

# Malaysia syor bincang isu Palestin

BH 18 OCT 2000

LANGKAWI, Selasa – Malaysia mencadangkan agar sesi khas Persidangan Islam Menteri-Menteri Luar (ICFM) diadakan di Jerusalam bagi membincangkan isu Palestin yang sedang bergolak akibat keganasan tentera Israel.

Cadangan itu dikemukakan Malaysia pada pertemuan antara Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan Presiden Indonesia, Abdurrahman Wahid, di sini hari ini. Indonesia turut menyokong cadangan itu.

Malaysia adalah Pengerusi Sesi

ke-27 ICFM. Cadangan itu dibuat untuk menyelesaikan krisis Asia Barat, termasuk kejadian terbaru yang menyebabkan lebih 103 penduduk Palestin terbunuh.

Menteri Luar kedua-dua negara, Datuk Seri Syed Hamid Albar dan Alwi Shihab dalam satu kenyataan bersama selepas mesyuarat dua hala kedua-dua ketua negara itu, menyambut baik sidang puncak Asia Barat di pusat perangnya Laut Merah, Sharm el-Sheik, Mesir yang menemukan Perdana Menteri Israel, Ehud Barak dan Presiden Palestin,

Yasser Arafat.

Dr Mahathir dan Abdurrahman juga mencapai kata sepakat mengutuk keganasan tentera Israel di Tebing Barat dan Semenanjung Gaza sehingga menyebabkan kematian orang awam serta kecederaan beribu-ribu rakyat Palestin.

Pada sidang akhbar selepas pertemuan itu, kedua-dua pemimpin menyokong usaha damai dan perbincangan untuk menyelesaikan isu berkenaan.

Dr Mahathir berkata, Malaysia dan Indonesia menentang kegana-

san dan mahu kedua-dua pihak menghentikan serangan dan berusaha ke arah perdamaian segera.

"Keganasan tentera Israel sehingga menyebabkan ramai terbunuh, termasuk kanak-kanak perlu dihentikan. Ini bukan cara kedua-dua negara menjalin hubungan sedangkan mereka mengumumkan mahu-kan keamanan," katanya.

Abdurrahman pula berkata, Indonesia dan Malaysia menyokong sebarang usaha bagi menyelesaikan

**LIHAT MUKA 2**

## Dua negara ulangi sokongan

DARI MUKA 1 BH 18 OCT 2000

krisis berkenaan.

Kenyataan bersama itu juga menegaskan bahawa rakyat Malaysia dan Indonesia turut bersedih terhadap kematian rakyat Palestin dan mengucapkan takziah kepada mereka.

Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Besatu (PBB) pula mesti membawa mereka yang bertanggungjawab menyebabkan kematian tragik itu ke muka pengadilan.

Malaysia dan Indonesia juga menegaskan bahawa tindakan pemimpin puak

berhaluan kanan Israel, Ariel Sharon melawat tanah suci ketiga umat Islam – Al Haram Al Sharif – pada 28 September lalu sebagai lawatan provokatif sehingga membangkitkan kemarahan penduduk Palestin di wilayah yang diduduki itu.

Selain itu, kedua-dua negara bersetuju dengan resolusi 1322 Majlis Keselamatan PBB yang meminta Israel mematuhi selaras kewajipan dan tanggungjawab mengikut Konvensyen Geneva Keempat berkaitan Orang Awam ketika

Perang pada 12 Ogos 1949 yang perlu digunakan terhadap semua wilayah diduduki Israel sejak 1967.

Malaysia dan Indonesia turut mengulangi pengiktirafannya terhadap Al Quds Al Sharif sebagai ibu negara politik dan bersejarah bagi negara dan rakyat Palestin.

"Kita sekali lagi mendesak Israel mematuhi resolusi 242 (1967) dan 338 (1973) dan semua resolusi berkaitan yang diluluskan Majlis Keselamatan PBB," kata kenyataan itu.